

1. Bincangkan perkaitan perkembangan pemikiran geografi dengan permasalahan kependudukan khususnya masalah pendidikan dan penjagaan kesihatan.  
[25 markah]
2. Bincangkan bagaimana pendekatan geografi tentang dinamik masyarakat-alam sekitar dapat mempertingkatkan kefahaman manusia berhubung perubahan alam sekitar semasa.  
[25 markah]
3. Bincangkan konsep pembangunan mapan yang mengandungi sistem-sistem sosial, ekonomi dan biologi dalam konteks interaksi bidang geografi dengan bidang-bidang lain yang berkaitan.  
[25 markah]
4. Menurut Entrikin (1976) tempat ialah '*a centre of meaning or a focus of human emotional attachment*'. Bincangkan pandangan **DUA ORANG** ahli geografi humanistik yang telah menggunakan falsafah pemikiran existential fenomenologi ini dalam mendefinisikan tempat dalam disiplin geografi.  
[25 markah]
5. Pemikiran geografi kritikal pasca-moden telah membina semula ruang dengan memberi penekanan kepada perjuangan golongan terpinggir dan tertindas. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada penulisan-penulisan ahli geografi dalam dan luar negara.  
[25 markah]
6. Menurut Rose (1993) dominasi lelaki dalam disiplin geografi telah menyebabkan disiplin ini dikatakan satu subjek berkedudukan maskulin. Bincangkan pernyataan ini dengan memberi perhatian kepada sumbangan ahli-ahli geografi feminis dalam memperkayakan disiplin geografi.  
[25 markah]